

Dr Nik Mustapha

Naiib Canselor UPM

Pelantikan untuk tempoh tiga tahun berkuat kuasa 1 Januari

Oleh Syuhada Choo Abdullah
dan Khairina Yasin

KUALA LUMPUR: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Nik Mustapha R Abdullah, 51, dilantik sebagai Naib Canselor universiti itu, berkuat kuasa 1 Januari ini.

Pelantikan untuk tempoh tiga tahun itu bagi mengisi kekosongan jawatan berkenaan yang dilepaskan Prof Datuk Dr Muhamad Zohadie Bardaie, 55.

Difahamkan, kekosongan jawatan Timbalan Naib Canselor terbabit pula akan diisi Dekan Fakulti Sains Bioteknologi dan Sains Biomolekul UPM, Prof Dr Abu Bakar Salleh.

Nik Mustapha ketika dihubungi *Berita Harian* di sini semalam, mengesahkan sudah menerima surat pelantikan itu.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri dan Menteri Pengajian Tinggi kerana memberi saya kepercayaan untuk memimpin UPM, antara universiti terbesar di Malaysia.

"Fokus utama ialah mencapai hasrat Perdana Menteri supaya UPM menjadi Pusat Kecemerlangan Pendidikan Pertanian. Ini dalam konteks

moden membabitkan penggunaan teknologi untuk nilai tambah pertanian. Justeru, ia perlu difikirkan bersama dan tenaga harus digembeng bagi mencapainya," katanya.

Pelantikan Nik Mustapha sekaligus menamatkan teka-teki penggantian Muhamad Zohadie selepas laporan akhbar baru-baru ini memetik Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Shafie Mohd Salleh, sebagai berkata, sekurang-kurangnya enam calon disenarai pendek untuk me-

“*Saya akan berusaha meneruskan tradisi ilmu universiti ini. Insyallah dengan sokongan semua kakitangan, UPM boleh mencapai sasaran digariskan dalam Pelan Strategik”*

Dr Nik Mustapha R Abdullah
Naib Canselor UPM

ngisi jawatan itu.

Dilahirkan di Kelantan pada 26 Disember 1954, Nik Mustapha berkeputusan Diploma Pertanian dari UPM (ketika itu Universiti Pertanian Malaysia) pada 1976.

Seterusnya, Ijazah Sarjana Muda Sains (Ekonomi Sumber) dari University of California (1979) dan Ijazah Sarjana Sains serta doktor falsafah dalam bidang Pertanian dan Ekonomi Sumber (Oregon State University), masing-masing pada 1980 dan 1988.

Beliau yang pakar dalam bidang perikanan dan ekonomi rekreasi, mula bertugas sebagai pensyarah di UPM pada 1981 dan antara jawatan pernah disandang ialah Dekan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (1999 - Mei 2004).

Ketika memimpin fakulti itu, beliau memberi perhatian serius terhadap pencapaian akademik pelajar Bumiputera, terutama yang mengikuti program profesional seperti Perakaunan.

Hasil usahanya, kadar pelajar Bumiputera yang gagal dalam program berkenaan berjaya diturunkan, selain membantu fakultinya memperoleh pengiktirafan kualiti MS ISO 9000:2001 meliputi skop pengajaran, penyelidikan dan pentadbiran, tahun lalu.



PROFIL

- Dr Nik Mustapha R Abdullah**
- Tarikh Lahir: 6 Disember 1954
 - Pendidikan: Diploma Pertanian dari UPM (ketika itu Universiti Pertanian Malaysia) pada 1976; Ijazah Sarjana Muda Sains (Ekonomi Sumber) dari University of California (1979); Ijazah Sarjana Sains, Oregon State University (1980) dan Doktor Falsafah dalam bidang Pertanian dan Ekonomi Sumber dari Oregon State University (1988).
 - Kerjaya: Pensyarah UPM (1981) dan Dekan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (1999 - Mei 2004).

Naib Canselor UPM

Dr Nik Mustapha dilantik
berkuat kuasa 1 Januari



NASIONAL 3